



*Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff memberi kata-kata semangat buat petugas barisan hadapan UMP.*

## **Persediaan terima kemasukan mahasiswa mulai 6 Mac depan, UMP laksana simulasi kemasukan pelajar**

18 Februari 2021  
Admin

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan simulasi saringan kemasukan pelajar ke kampus di Pekan dan Gambang sebagai persediaan menerima kemasukan pelajar kembali ke kampus mulai 6 Mac depan.

Program dikendalikan Pusat Kesihatan UMP (PKU) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) itu adalah salah satu cara universiti menghadapi situasi sebenar bersempena kemasukan pelajar

secara berjadual bagi kelompok enam kategori yang diumumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan universiti tersebut, baru-baru ini.

Program simulasi berkenaan turut disertai petugas dari Bahagian Keselamatan, Pejabat Naib Canselor dan Residen Pelajar

Pengarah PKU, Dr Khairul Salleh Abdul Basit berkata, pendekatan tersebut memberi peluang kepada pihaknya untuk menambah baik proses saringan dalam memastikan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) sekali gus usaha mengekang penularan wabak Covid-19 di negara ini.

“Program simulasi yang dijalankan di UMP Pekan dan Gambang berjalan lancar dan mendapat kerjasama daripada pelajar dan petugas, malah pihak PKU telah bersedia menerima kemasukan pelajar untuk kembali ke kampus.

“Dengan kerjasama daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), kami juga mengadakan taklimat dan sesi bual bicara bagi memberikan penerangan kepada pelajar dalam memastikan mereka membuat persediaan sebelum kembali ke kampus,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Perubatan PKU, Dr Norhilda Abd Karim pula menjelaskan, mengikut peraturan yang ditetapkan, setiap pelajar yang disaring perlu hadir ke tempat saringan kesihatan mengikut waktu janji temu yang telah ditetapkan selain perlu mengisi borang saringan kesihatan di e-Community.

“Pelajar akan disaring tahap kesihatannya dan mereka akan dipakaikan gelang dalam tempoh isolasi sebagai pengawasan dan pemantauan kesihatan terhadap pelajar tersebut.

“Sebanyak empat warna gelang yang kita sediakan iaitu berwarna putih, merah, merah jambu dan biru,” katanya.

Tambah Dr Norhilda, gelang pengawasan berwarna putih akan dipakaikan kepada pelajar dari zon hijau yang berisiko rendah manakala gelang merah pula akan dipakaikan kepada pelajar yang berada dari zon merah dan tidak bergejala.

“Semua pelajar yang memakai gelang ini akan mematuhi tempoh kuarantin wajib sepuluh hari di residen pelajar yang telah ditetapkan.

“Namun begitu, mereka dibenarkan untuk membeli makanan dan keperluan harian di kiosk dan kafeteria yang berhampiran dengan residen pelajar dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

“Bagi gelang berwarna merah jambu pula akan dipakaikan kepada pelajar yang memerlukan pemeriksaan lanjut di PKU atau Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) manakala warna biru pula akan dipakaikan kepada pelajar yang bergejala,” menurutnya.

Menurut beliau lagi, bagi pelajar yang dipakaikan gelang merah jambu dan biru, mereka akan diasingkan penginapan serta akan dikuarantin diri di kediaman masing-masing.

Setiap pelajar juga dikehendaki memantau kesihatan sendiri dengan menggunakan Sistem Pengawasan Simptom Covid-19 (CoSMos) yang dilaksanakan di UMP.

Sekiranya bergejala pelajar perlu menghubungi PKU atau bilik gerakan COVID-19 UMP di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999.

*Sumber: Portal rasmi Universiti Malaysia Pahang*